

06 SEP 1997

Mahathir-Mufti

KERAJAAN SETUJU LEBIH KERAP TEMUI ULAMAK

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan bersetuju mengadakan pertemuan yang lebih kerap dengan ulama-ulama bagi menjelaskan dasar dan projek yang dilaksanakan kerajaan agar mereka lebih memahaminya.

Perdana Menteri berkata perkara itu dipersetujui pada pertemuan beliau dengan mufti-mufti dari seluruh negara Selasa lepas.

"Di sini yang penting ialah siapa yang dianggap ulama. Kalau dikatakan mufti, yalah kita akan jumpa dengan mufti," katanya pada persidangan berita selepas berakhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas cadangan wakil Kelantan, Mohd Alwi Che Ahmad supaya kerajaan mengadakan pertemuan yang lebih kerap dengan para ulama sebagaimana beliau sering menemui tokoh-tokoh korporat.

Mohd Alwi, ketika membahaskan usul agama pada perhimpunan itu, turut mencadangkan supaya kerajaan membawa bersama mufti-mufti dalam misi pelaburan dan lawatan ke luar negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia menimbang cadangan untuk membawa bersama mufti-mufti dalam misi pelaburan dan lawatan ke luar negara.

"Kita boleh hantar, buat rombongan tetapi cadangan yang telah kita persetujui ialah untuk mengadakan lebih banyak pertemuan dengan ulama," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata selain mufti, beliau ingin tahu siapakah lagi yang masyarakat anggap sebagai ulama kerana pada masa ini sudah terlalu ramai orang menggelar diri mereka ulama.

"Sebenarnya ulama dalam masyarakat Islam ialah orang yang diiktiraf masyarakat sebagai orang yang terpelajar. Bukan dia membuat dakwaan sendiri atau dia boleh mendapat sijil ulama. Kita tak keluar sijil ulama," katanya.

Katanya kerajaan hanya akan mengiktiraf seseorang itu sebagai ulama jika masyarakat yang memberi pengiktirafan sedemikian seperti mana mereka mengiktiraf Imam Shafie, Imam Bukhari dan lain-lain sebagai ulama.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata cadangan untuk menyelaraskan fatwa melalui Majlis Fatwa Kebangsaan adalah bagi membolehkan sesuatu isu yang timbul di sesebuah negeri dibincangkan bersama oleh mufti-mufti dari negeri lain.

Pada masa ini fatwa bagi satu-satu negeri tidak praktikal untuk dilaksanakan berikutan wujud sempadan antara negeri bagi rakyat Malaysia, katanya kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenaiinya, di sini.

Abdul Hamid berkata penyelarasan itu tidak bertujuan memaksa pihak mufti tetapi hanya mahukan sesuatu fatwa itu diselaraskan di seluruh negara melalui saluran yang betul iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan.

Katanya, pada pertemuan Dr Mahathir dengan mufti pada Selasa itu, mufti-mufti bersetuju supaya semua fatwa diselaraskan di seluruh negara. --
BERNAMA

RAZ AHH